

# RUMUSAN EKSEKUTIF

## Isu-Isu Orang Dewasa Kurang Upaya Intelekt

### 1. Latar belakang

1.1 Keprihatinan masyarakat sedunia mengenai Orang Kurang Upaya (OKU)<sup>1</sup> bermula sejak tahun 70-an melalui Deklarasi Bangsa-bangsa Bersatu tentang Hak Asasi Orang Terencat Akal (1971) dan Deklarasi Bangsa-bangsa Bersatu tentang Hak Asasi Orang Kurang Upaya (1975). Pengumuman Dekad bagi Orang Kurang Upaya (1993 – 2002) oleh Suruhanjaya Ekonomi and Sosial Asia Pasifik Bangsa-bangsa Bersatu (UN-ESCAP) telah membawakan Peraturan Am Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Penyamaan Peluang bagi Orang Kurang Upaya. Ia menggariskan bidang tindakan utama untuk memastikan penyertaan penuh dan samarata OKU dalam semua aspek kehidupan sosial. Ini diikuti dengan pengumuman Dekad Kedua Asia Pasifik bagi Orang Kurang Upaya (2003 – 2012) dan pengesahan bagi Rangka Kerja Milinium Biwako oleh pelbagai kerajaan, termasuk kerajaan Malaysia.

1.2 Malaysia yang turut menandatangani kesemua deklarasi sejagat tersebut, telah memberi komitmen untuk bergerak menuju ke arah masyarakat yang inklusif, tanpa halangan dan berdasarkan hak asasi bagi OKU. Negara ini juga berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Deklarasi Sedunia tentang Pendidikan untuk Semua (1990) dan Pernyataan Salamanca (1994) yang menyarankan pendidikan inklusif bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Walaupun terdapatnya Kod Amalan Penggajian Orang Kurang Upaya di Sektor Swasta (1991) dan peruntukan kuota 1% untuk pekerja-pekerja kurang upaya dalam sektor perkhidmatan awam sejak 1989, namun masih belum ada perundangan terperinci untuk melindungi hak-hak OKU mahupun melarang diskriminasi terhadap mereka dalam bidang pendidikan ataupun pekerjaan. Isu-isu berkenaan OKU termaktub dalam bidang kuasa empat Kementerian yang berasingan – Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Sosial; Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Manusia; dan Kementerian Kesihatan – masing-masing menyelesaikan isu-isu yang berbeza yang memberi kesan kepada OKU.

1.3 Di Malaysia, terdapat peningkatan dalam kesedaran terhadap isu-isu OKU. Namun, kita kekurangan statistik dan kajian terperinci tentang isu-isu OKU, terutamanya mengenai orang-orang kurang upaya intelek<sup>2</sup> dan masalah-masalah yang dihadapi mereka setelah dewasa. *“Meninjau Isu-Isu Orang Dewasa Kurang Upaya Intelekt – Laporan tentang Situasi Orang Kurang Upaya Intelekt di Pulau Pinang”* berusaha untuk memenuhi kekurangan tersebut. Projek ini, yang berasaskan dua tinjauan oleh Asia Community Service (ACS), mempunyai matlamat-matlamat berikut:-

- ☆ Untuk memahami dan menilai secara tepat situasi OKU intelek
- ☆ Untuk mengenal pasti perkhidmatan yang mereka perlukan
- ☆ Untuk mengenal pasti sokongan yang diperlukan oleh keluarga OKU intelek
- ☆ Untuk mengenali situasi pekerjaan bagi OKU dan OKU intelek
- ☆ Untuk mengenali permintaan dan sikap majikan

---

<sup>1</sup> OKU – Orang Kurang Upaya termasuk semua jenis ketidakupayaan. Contoh: cacat penglihatan, cacat pendengaran, ketidakupayaan fizikal dan ketidakupayaan intelek.

<sup>2</sup> Orang Kurang Upaya Intelekt – termasuk Sindrom Down, terencat akal, perkembangan lewat dll.

## **2. Hasil Tinjauan**

2.1 Sebahagian besar (94%) daripada seramai 218 OKU intelek yang terlibat dalam tinjauan ini pernah menghadiri program pendidikan di mana kadar tertinggi (68.3%) menjalani program yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan/atau pusat intervensi awal. Seramai 16.1% pernah menghadiri Kelas Khas, 17.4% kelas aliran biasa dan 4.6% pernah menghadiri Pusat Pemulihan dalam Komuniti.

2.2 Lebih separuh (54.6%) daripada 218 OKU intelek yang terlibat dalam tinjauan ini tidak mempunyai pengalaman bekerja sementara 24.8% (54 orang) pernah bekerja di bengkel terlindung, 5% dalam perniagaan keluarga dan 8.7% pernah bekerja dalam komuniti. Sementara itu, 32 orang daripada mereka meletak jawatan atau telah dipecat dan 14 orang lagi masih menganggur.

2.3 Seramai 29.4% berupaya hidup secara berdikari dalam komuniti, 52.8% dapat berdikari di rumah manakala 18.3% memerlukan bantuan dalam kehidupan harian.

2.4 Sebanyak 48.1% (105 orang) tinggal di rumah tanpa menerima sebarang latihan atau peluang pekerjaan. Turut ketara ialah jurang perbezaan antara jantina, di mana 61.7% wanita OKU intelek hanya tinggal di rumah saja berbanding dengan 38.1% lelaki.

2.5 Keinginan OKU intelek dan keluarga mereka untuk mempertingkatkan tahap kehidupan melalui latihan dan kemahiran jelas dinyatakan melalui tiga perkhidmatan yang paling dikehendaki, iaitu latihan vokasional (48%), bengkel terlindung (44.4%) dan latihan kemahiran hidup (38.4%). Kajian itu juga menunjukkan bahawa lebih separuh daripada sejumlah 105 OKU yang tinggal di rumah menunjukkan minat untuk memperoleh peluang pekerjaan di bengkel terlindung atau dalam komuniti yang lebih luas.

2.6 Kebanyakan (90.8%) ahli keluarga OKU intelek berpendapat bahawa lebih banyak perkhidmatan dan program diperlukan untuk mempertingkatkan kehidupan orang dewasa kurang upaya intelek – latihan, penyediaan untuk pekerjaan, jagaan harian atau 'respite' (jagaan masa pendek / sementara) serta aktiviti rekreasi. Mereka menyatakan bahawa ahli keluarga mereka memerlukan sokongan dalam bentuk latihan dan bengkel (70.2%), kaunseling dan sokongan emosi (67.7%) serta sumber maklumat (51.6%).

2.7 Majoriti (87.2%) OKU intelek telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang tetapi hanya 11.5% telah berdaftar dengan Jabatan Buruh Negeri Pulau Pinang. Ini mencerminkan bahawa OKU intelek cenderung bergantung kepada kebajikan negeri dan kurang mengharapkan agensi kerajaan untuk memperolehi pekerjaan.

2.8 Hakikat bahawa hanya 4.8% (69 syarikat) daripada 1,431 syarikat telah memberi respon terhadap tinjauan ini menunjukkan kekurangan tahap minat dan keprihatinan. Daripada 69 responden itu pula, hanya 19 (27.5%) mempunyai pekerja kurang upaya iaitu 58 orang.

2.9 Situasi ini mungkin disebabkan 73.9% daripada responden telah menyatakan kebimbangan untuk mengupah OKU intelek. Tiga alasan yang mereka berikan – adalah syarikat tidak dapat bertanggungjawab sekiranya berlaku sesuatu, kekurangan belanjawan dan kecenderungan mengambil pekerja asing.

2.10 Namun begitu, hasil tinjauan ini masih memaparkan sikap optimistik majikan, iaitu 58% daripada syarikat yang respon, rela mempertimbangkan pengambilan pekerja kurang upaya intelek jika mereka berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja dan menunjukkan hasil kerja yang memuaskan. Selain itu, 39.1% rela menerima sokongan luar untuk mengurangkan kebimbangan mereka dalam mengupah OKU intelek. Tidak kurang pentingnya ialah hakikat bahawa syarikat yang pernah mengambil OKU sebagai pekerja menyatakan pandangan yang lebih positif dan kurang teragak-agak untuk mengupah OKU intelek.

2.11 Tinjauan juga mendapati tahap kesedaran yang rendah tentang polisi-polisi dan faedah-faedah yang berkaitan dengan pengambilan pekerja kurang upaya. Hanya 18 syarikat (26.1%) sedar bahawa kerajaan telah memperuntukkan kuota 1% untuk pengambilan pekerja kurang upaya dalam perkhidmatan awam sejak 1989. Walaupun sebilangan besar (46.4%) syarikat sedar akan faedah potongan cukai dua kali ganda bagi pengambilan pekerja kurang upaya dalam sektor swasta, tetapi 7 syarikat yang sedang mengupah OKU tidak sedar akan manfaat ini.

### **3. Saranan Utama**

Hasil tinjauan situasi kehidupan dan pekerjaan OKU intelek di Pulau Pinang pada masa kini menunjukkan bahawa usaha bersepadu dan kerjasama di antara beberapa pihak (seperti yang ditunjukkan dalam kurungan di bawah) masih amat diperlukan untuk OKU intelek mencapai matlamat hidup berdikari dan bermaruah, di samping menikmati penyertaan penuh dan samarata dalam semua aspek kehidupan sosial.

**3.1 Mempertingkatkan Pendidikan dan Latihan** – asas untuk kehidupan berdikari dan bermaruah dalam alam dewasa (Kementerian Pelajaran, Pembekal Perkhidmatan, Keluarga).

- ☆ Peluang memiliki pendidikan asas bagi semua kanak-kanak kurang upaya berdasarkan falsafah inklusif, di mana Rancangan Pendidikan Individu disesuaikan mengikut kurikulum yang fleksibel untuk memenuhi keperluan khas setiap kanak-kanak.
- ☆ Latihan penjagaan diri dan kemahiran hidup asas diberikan seawal mungkin, diikuti dengan kemahiran menyesuaikan diri dan pendedahan kepada pengalaman hidup sebenar sejajar dengan peralihan kehidupan inklusif dalam persekitaran keluarga, sosial dan komuniti.
- ☆ Sokongan semasa peralihan melalui kerjasama antara agensi untuk membantu OKU intelek melalui perubahan kritikal; misalnya dari prasekolah ke sekolah rendah, ke sekolah menengah, ke latihan pra-pekerjaan ke pekerjaan.
- ☆ Latihan pra-vokasional, vokasional dan latihan pekerjaan yang praktikal dan disesuaikan mengikut keperluan dan keupayaan individu untuk melengkapi OKU intelek dengan kemahiran sosial dan tingkah laku yang diperlukan dalam persekitaran pekerjaan.
- ☆ Peluang latihan untuk keluarga bagi menyediakan dan membolehkan mereka menyokong OKU intelek.

**3.2 Mempertingkatkan Latihan dan Peluang Pekerjaan** – ke arah mencapai kebebasan kewangan dan menjadi ahli komuniti yang produktif (Kementerian Sumber Manusia, Majikan, Pembekal Perkhidmatan)

- ☆ Tempat kerja terlindung atau tempat kerja dalam komuniti yang bersifat menyokong yang menyediakan latihan kerja yang efektif, suasana kerja yang baik, tugas kerja yang kreatif dan peralihan untuk OKU intelek berpindah ke tempat kerja terbuka.
- ☆ Pusat-pusat mempertingkatkan kemahiran dan pusat latihan untuk membantu OKU yang berupaya untuk menyesuaikan diri dalam tempat kerja terbuka. Pusat sedemikian boleh menjadi pusat bimbingan dan penempatan kerja, selain pusat hubungan dengan pihak majikan untuk memahami permintaan kerja dan mengenalpasti matlamat yang realistik. Ia juga boleh membekal jurulatih kerja bagi menyediakan OKU intelek untuk pekerjaan dan memberi sokongan penyesuaian diri dengan situasi kerja pada tahap awal.
- ☆ Memastikan perlaksanaan sepenuhnya Kod Amalan Pengambilan Pekerja Kurang Upaya Dalam Sektor Swasta dan peruntukan kuota 1% untuk pekerja-pekerja kurang upaya dalam perkhidmatan awam melalui Unit Khas untuk Pengambilan Pekerja Kurang Upaya yang terdiri daripada kakitangan terlatih, sensitif dan cekap dalam mengendalikan isu-isu OKU di tempat kerja.
- ☆ Mempromosikan kesedaran positif dalam kalangan majikan tentang tanggungjawab sosial mereka agar menyokong OKU sebagai sumber manusia; menghebahkan secara meluas faedah (contoh: potongan cukai) mengupah OKU kepada pihak korporat dan syarikat.

**3.3 Mempertingkatkan Kualiti Kehidupan** – sistem sokongan asas bagi memastikan masyarakat yang inklusif, bebas dari halangan dan berdasarkan hak asasi (Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Sosial, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan, Pembekal Perkhidmatan, Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan)

- ☆ Menyediakan elaun untuk OKU dan meningkatkan bantuan kewangan daripada kerajaan kepada pembekal perkhidmatan bagi menambah dan mempertingkatkan rangkaian perkhidmatan yang diperlukan oleh OKU dan keluarga mereka; terutamanya perkhidmatan jagaan harian dan/atau perkhidmatan jagaan jangka panjang untuk OKU yang serius ketidakupayaannya, jagaan 'respite' untuk mengurangkan beban keluarga, perkhidmatan kaunseling untuk OKU dan keluarga mereka.
- ☆ Menyediakan Skim Pilihan Perumahan bagi OKU dalam semua skim perumahan dan mempromosikan perancangan kemudahan sokongan bagi OKU untuk menggalakkan kehidupan inklusif dalam komuniti.
- ☆ Mempertingkatkan pengangkutan awam bagi OKU dan menyediakan kemudahan asas yang mesra kepada OKU.
- ☆ Menambah dan mempertingkatkan peluang dan / atau kemudahan rekreasi untuk OKU.
- ☆ Mempromosikan kesedaran awam tentang isu-isu OKU, membekalkan lebih banyak sumber serta maklumat untuk keluarga OKU, menggalakkan pembentukan kumpulan dan rangkaian sokongan, mendorong keluarga dan OKU untuk menyuarakan pendapat mereka.
- ☆ Memulakan kempen pendaftaran OKU dan mengumpul statistik relevan untuk lebih memahami OKU, bilangan mereka dan isu-isu yang dihadapi mereka.

*Asia Community Service amat menghargai sumbangan Dr Tan Liok Ee dalam merumus Laporan Executive ini, yang telah dipetik daripada penerbitan "Exploring the Issues of PwIDs in Adulthood – A Report of the Situation of People with Intellectual Disabilities in Penang" (Asia Community Service, 2006. ISBN 983-42989-0-0)*